



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEKERJA KESIHATAN LUAR (E.1-2-3 EB.4)  
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEKERJA KESIHATAN LUAR  
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
3. Keutamaan akan diberikan kepada calon **Lelaki**.
4. Hendaklah berumur 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 30 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Ditempatkan bertugas di bahagian-bahagian dan unit-unit di bawahnya dalam Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar termasuk di Pejabat Kesihatan Daerah;
2. Bertanggungjawab kepada Ketua Unit atau Pegawai yang lebih kanan;
3. Manjalankan kerja-kerja bantuan teknikal dalam aspek-aspek kesihatan Awam dan kesihatan Alam Sekitar di bahagian-bahagian:
- i. Kesihatan Alam Sekitar;
  - ii. Kawalan Penyakit;
  - iii. Kesihatan Cara Kerja; dan
4. Melaksanakan tugas yang diarahkan oleh Ketua Unit atau Pegawai atasan dari semasa ke semasa.